

20/10/2003

Fatemah pengasas Majlis Dialog Wanita OIC

Fadzlena Jafar

WALAUPUN Malaysia menerusi Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga yang membuka ruang bagi penganjuran satu majlis khas buat isteri ketua negara dan kerajaan ke Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Majlis Dialog Wanita Pertama yang julung kali diadakan itu sebenarnya adalah hasil ilham Fatemah Hashemi Rafsanjani.

Pada Sidang Kemuncak ke-9 OIC di Qatar dua tahun lalu, Fatemah mengambil kesempatan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mencadangkan satu pertemuan khusus buat isteri ketua negara dan kerajaan OIC untuk membincangkan permasalahan wanita Islam ketika Malaysia menjadi tuan rumah persidangan berkenaan.

Hasil pertemuan itu, Perdana Menteri menyampaikan cadangan Fatemah kepada Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil yang menyambut baik cadangan berkenaan dan seterusnya merealisasikan satu majlis khusus untuk Wanita Pertama.

Perkara itu didedahkan isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali ketika menyampaikan ringkasan perbincangan meja bulat yang diadakan pada penghujung Majlis Dialog berkenaan.

Mungkin ramai yang tidak mengenali Fatemah kerana beliau jarang memberikan temubual kepada media asing. Bapanya, Ali Akhbar Hashemi Rafsanjani cukup dikenali. Rafsanjani, bekas presiden Iran yang sering kali dianggap Ayatollah yang paling sederhana oleh Barat dikagumi kerana program ekonominya yang dilihat fleksibel terhadap negara luar.

Malah, ketua Society of Combatant Clergymen itu turut memperkenalkan dasar perdagangan terbuka yang menggalakkan pinjaman asing, mengubah kawalan negara terhadap pasaran dan menjemput kembali warga Iran yang melarikan diri selepas Revolusi 1979. Ada juga pihak yang tidak menyenangi Rafsanjani yang dianggap antara ketua penganas radikal Islam.

Tetapi, secara amnya, Rafsanjani juga dikagumi kerana dasarnya yang dikatakan banyak membuka ruang kepada wanita Iran untuk menikmati hidup lebih selesa dengan menggalakkan peluang pendidikan bagi semua rakyat termasuk wanita.

Ini jelas kelihatan diterapkan terhadap anak sulungnya, Fatemah. Beliau bukan saja berpendidikan tinggi, bahkan Fatemah juga seorang aktivis yang banyak memperjuangkan hak asasi wanita terutama di Timur Tengah.

Fatemah giat dalam pelbagai persatuan dan terbaru beliau dilantik menerajui Women's Solidarity Association of Iran yang memperjuangkan kesaksamaan wanita negara itu.

Ketika ditanya mengenai perjumpaannya dengan Dr Mahathir yang membuka laluan bagi penganjuran majlis dialog itu, Fatemah berkata, sebaik mengetahui Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi Sidang Kemuncak ke-10 OIC, beliau terus bertemu Perdana Menteri untuk mencadangkan Malaysia mengadakan satu persidangan khas bagi isteri ketua negara dan kerajaan OIC.

"Wanita mempunyai masalah yang berbeza. Kita semua tahu keadaan wanita, terutama di negara OIC, masih lagi berada pada tahap yang belum memuaskan dalam pelbagai aspek. Sedangkan jika ia diketengahkan kemungkinan sesuatu boleh dilakukan bagi mengatasinya, terutama dalam bidang tertentu seperti pendidikan dan kesihatan.

"Tetapi permasalahan berkenaan tidak pernah dimasukkan dalam agenda ketika sidang OIC. Jadi, saya berpendapat kita perlu bermula dengan sesuatu dan saya bersyukur pertemuan dengan Dr Mahathir membuahkan hasil

yang diharapkan," katanya ketika ditemui pada Majlis Dialog Wanita Pertama sempena Sidang Kemuncak ke-10 OIC, kelmarin.

Beliau yang melahirkan rasa puas hati dengan penganjuran Majlis Dialog berkenaan, berharap resolusi yang dicapai pada majlis itu mendapat perhatian delegasi OIC, sekali gus dapat membuka ruang lebih baik bagi wanita Islam menyuarakan pandangan dan juga permasalahan mereka.

Malah, kata Fatemah, majlis berkenaan diharap bukan yang terakhir diadakan pada sidang akan datang kerana masih ada permasalahan membabitkan wanita yang dapat dibincangkan demi meningkatkan status wanita Islam di negara OIC.

"Majlis ini adalah satu permulaan yang baik. Dan resolusi yang diperolehi hasil perbincangan meja bulat ini sekurang-kurangnya dapat mengetengahkan sebahagian permasalahan wanita dalam pelbagai aspek.

"Saya benar-benar berharap resolusi ini mendapat maklum balas daripada mereka (OIC) dan seterusnya melakukan sesuatu bagi membangunkan wanita," katanya, menerusi jurubahasa Pavvin Dadandish.